

年中考试



UPSA 2025

学校试卷（五年级）

SET 3

- 国文/华文/英文/数学/科学
- 总共 5 份各校试卷
- 备有完整答案



FB PAGE: 优学教育分享

WEBSITE : www.youxue.com.my

CONTACT NUMBER: 013-482 0523

**Ujian Pertengahan Sesi Akademik 2025
Bahasa Melayu Tahun 5 [Perak]**

Nama : _____ () Keputusan : _____ %
Kelas : 5 () T/tangan Ibu : _____
Bapa : _____

**Bahagian A
[10 markah]**

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Liu Meng, di manakah Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu sekolah _____ akan diadakan?" tanya Puan Chin kepada anaknya.
A. kami
B. awak
C. kamu
D. kalian
2. Bilik komputer sekolah itu _____ ditutup bermula esok untuk kerja-kerja penyelenggaraan.
A. akan
B. telah
C. sedang
D. mungkin

3. Pilih ayat yang **betul**.
- A. Encik Lee adalah jiran yang sangat baik.
 - B. Makanan kegemaran Chai Hui ialah nasi lemak dan sate.
 - C. Tujuan program Ngoca ke Sawah ialah untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk.
 - D. Jabatan yang menganjurkan Program Komuniti Bersama Rakyat adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Para pendengar sekalian,

Kecuaian sikap pemandu kenderaan merupakan punca berlakunya kemalangan jalan raya. Kita sering melihat pemandu menggunakan telefon bimbit ketika memandu kenderaan. Perbuatan tersebut menyebabkan mereka tidak fokus terhadap pemanduan. Akibatnya, mereka tidak menyedari kehadiran kenderaan lain di jalan raya.

Oleh itu, pemandu kenderaan perlulah mengamalkan pemanduan yang berhemah ketika berada di jalan raya. Elakkan penggunaan telefon bimbit atau gajet yang lain ketika sedang memandu. Dengan cara itu, kemalangan jalan raya dapat dielakkan dan dikurangkan.

4. Apakah punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya?
- A. Kerosakan kenderaan
 - B. Kecuaian sikap pemandu
 - C. Penggunaan telefon bimbit
 - D. Pemanduan tidak berhemah
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. Pemandu kenderaan fokus terhadap pemanduan mereka.
 - B. Pemandu kenderaan memandu secara berbahaya di jalan raya.
 - C. Penggunaan telefon bimbit semasa memandu hendaklah dielakkan.
 - D. Kemalangan jalan raya hanya berlaku terhadap pemandu kenderaan.

6. Berikut ialah langkah yang dapat dilakukan oleh pemandu kenderaan untuk mengelakkan kemalangan jalan raya berdasarkan petikan *kecuali*
- A. fokus terhadap pemanduan.
 - B. tidak bersikap cuai semasa memandu.
 - C. tidak mengamalkan pemanduan yang berhemah.
 - D. tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Encik Tan dan isterinya mengikut pakej percutian ke Tanah Tinggi Cameron, Pahang. Perjalanan dari Kuala Lumpur ke sana mengambil masa selama empat jam. Dalam perjalanan, mereka menikmati pemandangan ladang teh yang sangat indah.

Selepas mendaftar masuk ke hotel, mereka ke pasar malam. Banyak jualan dijual di situ seperti jagung bakar, bunga-bunga dan sayur-sayuran.


Keesokan harinya, beberapa tempat menarik *dikunjungi* oleh Encik Tan dan isterinya. Mereka sangat berpuas hati dengan pakej percutian yang disediakan oleh Syarikat Pelancongan Jaya.

Bahan 2

Pakej Percutian Tanah Tinggi Cameron, Pahang 3 Hari 2 Malam

Pakej termasuk:

- Penginapan di hotel 3 bintang
- Percuma sarapan pagi
- Pengangkutan bas yang selesa dan berhawa dingin
- Tempat menarik yang *dikunjungi* termasuk ladang teh, ladang bunga ros, ladang strawberi, ladang sayuran dan taman rama-rama.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Syarikat Pelancongan Jaya Sdn. Bhd.
Nombor telefon: 03-27458089
E-mel: pelanconganjaya@yahoo.com

7. Perjalanan dari Kuala Lumpur ke Tanah Tinggi Cameron mengambil masa

- A. tiga jam.
- B. empat jam.
- C. lima jam.
- D. enam jam.

8. Banyak jualan dijual di situ seperti jagung bakar, bunga-bunga dan sayur-sayuran.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris ialah

- A. biji.
- B. buah.
- C. tandan.
- D. tongkol.

9. Perkataan *dikunjungi* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan

- A. dilihat.
- B. dijalani.
- C. dilawati.
- D. didatangi.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A. Pakej percutian tersebut selama tiga malam.
- B. Encik Tan dan isterinya pergi ke pasar malam selepas mendaftar masuk ke hotel.
- C. Dalam perjalanan ke sana, mereka menikmati pemandangan ladang strawberi.
- D. Antara tempat lawatan yang termasuk dalam pakej percutian tersebut ialah taman kaktus.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Chan Meng bersekolah di SJKC Chong Hwa. Dia pengawas sekolah. Dia merupakan antara murid yang terawal sampai di sekolah.

Ketika sedang bertugas di pintu pagar sekolah, Chan Meng akan mengucapkan selamat pagi kepada murid-murid dan guru yang sampai dengan senyuman. Chan Meng tidak pilih kasih dengan menulis nama murid yang datang lewat walaupun kawan baiknya sendiri. Chan Meng bersikap amanah semasa menjalankan tugas.

Semasa bertugas di kantin pula, Chan Meng akan menegur sikap murid-murid tahun satu yang suka berlari-lari. "Adik-adik, berlari di sini berbahaya," nasihat Chan Meng kepada mereka.

Chan Meng bersyukur kerana sikap integriti tersemam dalam jiwanya.

a. Chan Meng ialah _____.
[1 markah]

b. Adakah Chan Meng bersikap amanah semasa menjalankan tugas?
Buktikan.

[2 markah]

- c. Gariskan **satu kata berimbuhan** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Dia merupakan antara murid yang terawal sampai di sekolah.

[1 markah]

- d. Pilih dan tuliskan **BETUL** bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

"Adik-adik, berlari di sini berbahaya," nasihat Chan Meng kepada mereka.

Chan Meng menegur sikap adik-adik yang berlari di situ kerana berbahaya.	
Adik-adik menegur sikap Chan Meng yang berlari di situ kerana berbahaya.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Kamu sedang menyiapkan kerja sekolah Matematik yang diberikan oleh guru. Tiba-tiba, dua orang rakan kamu datang ke rumah mengajak kamu bermain bola sepak bersama-sama mereka.

Berdasarkan situasi di atas, apakah yang akan kamu lakukan? Buat pertimbangan dan nyatakan keputusan.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on its right side, suggesting it's resting on a surface.

[5 markah]

[10 markah]

Panjangnya jawaban kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**



Bahagian D
[20 markah]

Grafik di bawah menunjukkan aktiviti di dusun datuk.

Tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Di Dusun Datuk



1. Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tulis sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.